

## Kitab Pengajaran Solat

Muhammad bin Abdullah Setiausaha Persatuan

Khairiyah, Naval Base, Singapura bertanya: Bagaimana

pendapat tuan mengenai isi buku-buku: (1) Soal

Jawab, (2) Pengajaran Solat yang dikarang oleh

al-Ustaz Hasan bin Ahmad dan diterbitkan oleh

Kesatuan Islam Bandung, yang sekarang sudah pun

dicetak oleh Persama Price Pulau Pinang? Adakah

pendapat atau huraian buku itu menyalahi ajaran Islam

yang sebenar-benarnya? – Harap mendapat penjelasan.

Jawab: Sepanjang yang kami ketahui bahawa buku

Pengajaran Solat dan Soal Jawab itu diasaskan

kepada tiap-tiap jawapannya dengan alasan al-Quran dan al-Hadīth.

Tidak ada satu-satu keterangan yang lebih kuat yang dapat diberi oleh

sesiapa yang mengenai

hukum agama Islam

selain daripada berasas

kepada al-Quran dan al-Hadīth.



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Kalau saudara perhatikan bahawa banyak kejadian-kejadian yang

berlaku yang mengenai sunnah menentukan hukum-hukum itu

yang diasaskan kepada pendapat atau fikiran ulama

masing-masing. Umpamanya di dalam Mazhab al-Imam al-Shafie

ada pengikut-pengikut yang berpihak kepada Ramli dan ada pula yang

berpihak kepada Ibnu Hajar. Fikiran dan pendapat

mereka kerap kali didapati bertentangan dan terkadang-kadang

tidak ada ketentuan yang nyata. Tetapi di sebalik itu

Imam-imam yang tersebut selalu mengingatkan bahawa apabila pengambilan

atau pendapat mereka itu bersalahan maka berbaliklah

kepada pengertian-pengertian itu. Jadi boleh pula didatangkan soal

kepada penanya: Apakah satu-satu hukum yang diambil daripada

al-Quran dan al-Hadīth menyalahi ajaran Islam yang

sebenar? Jawabnya tentu tidak.

\* \* \*

## Perkara Tanah

Teh binti Muhammad Ali, Kampung Tambi, Pekan Pahang

Bertanya: Saya telah membeli sebidang tanah getah sudah beberapa

tahun daripada seorang lain. Begitulah seterusnya tanah

itu dijual sudah beberapa kali daripada seorang

ke seorang. Baru-baru ini saya telah mendengar satu fatwa

daripada yang berkenaan mengatakan: Hasil-hasil yang terbit daripada

kebun itu haram, kerana itu kebun telah ditanam oleh

seorang di atas tanah kerajaan sesudah itu digrant

oleh lain orang pula jadi dihukumkan merampas

dan hasil-hasil itu haram selamanya walau beberapa orang

pembeli sekalipun. Maka pemotong getah saya itu telah

berhenti kerana tak mahu

makan haram dan zinc

atap rumahnya hendak

dibuang kerana dibeli

dengan duit haram.

Maka adakah benar bagaimana fatwa itu dan kiranya benar

maka adakah berpanjangan selamanya? Dan adakah memberi

faedah segala sedekah-sedekah yang diberi dengan wang itu?

Dan adakah satu jalan yang boleh menjadikan hasil-hasil

itu sampai menjadi halal.

Jawab: Saudari telah membeli tanah itu dan tanah

itu telah dijual dari seorang kepada seorang. Tentang

asal tanah itu sama ada grant oleh lain orang atau

tidak itu, bukanlah perkara di antara saudari dengan

tanah itu. Saudari telah membeli tanah itu dengan

halal dan daripada duit yang halal dan daripada apa yang

disebut di atas menunjukkan bahawa tanah itu telah

bersambung ke muka 39